

**UM 4 OCT 2001**  
**Jui Meng**  
**serahkan**  
**kepada PM**  
**tentukan**  
**kedudukan**

BATU PAHAT 3 Okt. — Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung kedudukannya dalam Kabinet berikutan digugurkan jawatan Pengerusi MCA Kedah mulai semalam.

Menurutnya, hanya Perdana Menteri yang mempunyai kuasa menentukan kedudukannya sebagai seorang Jemaah Menteri.

“Saya serahkan atas kebijaksanaan Perdana Menteri sama ada akan mengadakan rombakan Kabinet atau hendak meletakkan muka baru,” katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Klinik Desa Kangkar Baru, Yong Peng, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kepada soalan sama ada pengguguran jawatannya sebagai Pengerusi MCA Kedah semalam akan turut menjejaskan jawatannya dalam kabinet.